KERAJAAN MALAYSIA

Integriti Dalam Perolehan Kerajaan

(Berkuat Kuasa Mulai 1 Januari 2025)

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

PK 1.6 INTEGRITI DALAM PEROLEHAN KERAJAAN 2
1. **Pendahuluan 2**
2. **Integriti Dalam Perolehan Kerajaan 2**
3. **Pengisytiharan Pemunya Benefisial (BO)..... 6**
4. **Jenayah Pemerdagangan Orang dan Buruh Paksa 7**
5. **Pelaksanaan *Integrity Pact* Dalam Perolehan Kerajaan 8**

LAMPIRAN..... 12

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A :Garis Panduan Pelaksanaan *Integrity Pact* Dalam Perolehan Kerajaan

Lampiran 1 :Surat Akuan Oleh Pegawai Awam Yang Terlibat Dalam Perolehan

Lampiran 2 :Surat Akuan Perlantikan Ahli Jawatankuasa Berkaitan Perolehan

Lampiran 3 :Surat Akuan Selesai Tugas Ahli Jawatankuasa Berkaitan Perolehan

Lampiran 4 :Surat Akuan Ahli Lembaga/Jawatankuasa Perolehan

Lampiran 5 :Surat Akuan Selesai Tugas Ahli Lembaga/Jawatankuasa Perolehan

Lampiran 6 :Surat Akuan Pembida

Lampiran 7 :Surat Akuan Pembida Berjaya

Lampiran 8 :Klausa Pencegahan Rasuah Dan Tipuan Bida Dalam Dokumen Perolehan Kerajaan

Lampiran 9 :Surat Akuan Kepentingan Perunding

Lampiran 10 :Surat Akuan Perunding Yang Dilantik

Lampiran 11 :Surat Akuan Oleh Syarikat Yang Mendaftar Dengan Kementerian Kewangan (MOF)/Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)

Lampiran 12 :Borang Pengisytiharan Pemunya Benefisial (BO)

Lampiran 13:Surat Akuan Menangani Jenayah Pemerdagangan Orang dan Buruh Paksa

Lampiran 14 :Laporan Bulanan Pelaksanaan *Integrity Pact* Dalam Perolehan Kerajaan

PK 1.6 INTEGRITI DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

1. Pendahuluan

1.1. Selaras dengan usaha transformasi Kerajaan untuk menjadi sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi, Kerajaan komited dalam meningkatkan integriti pentadbiran awam melalui pencegahan amalan rasuah. Integriti adalah amat penting demi mengelakkan ketirisan dalam perbelanjaan Kerajaan dan memastikan pelaksanaan perolehan Kerajaan mampu membawa impak yang sebenar kepada Kerajaan dan rakyat.

1.2. Selain penerapan budaya integriti melalui pencegahan amalan rasuah, Kerajaan juga komited untuk meningkatkan integriti syarikat yang terlibat dalam perolehan Kerajaan melalui amalan persaingan yang sihat. Perkara ini penting untuk memastikan kesaksamaan peluang dalam kalangan syarikat yang bersaing untuk menawarkan produk dan perkhidmatan yang terbaik kepada Kerajaan dan rakyat.

1.3. Dalam memastikan semua projek Kerajaan dilaksanakan dengan teratur, aspek seperti penggunaan tenaga buruh juga perlu dititikberatkan. Inisiatif membanteras jenayah pemerdagangan orang dan buruh paksa memerlukan kerjasama atau kolaborasi daripada Kerajaan serta pelbagai pihak.

1.4. Justeru, Agensi perlu memberi perhatian yang serius dan memainkan peranan penting dalam usaha untuk memastikan integriti dibudayakan dalam kalangan pegawai awam dan syarikat yang terlibat dalam perolehan Kerajaan melalui pelaksanaan inisiatif yang telah digariskan selain pelaksanaan langkah lain yang bersesuaian.

2. Integriti Dalam Perolehan Kerajaan

2.1. Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 *[Akta 694]*

(i) Pegawai awam terutama pegawai yang terlibat dengan perolehan Kerajaan dan orang awam adalah tertakluk kepada Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 *[Akta 694]*. Akta 694 ini digubal bertujuan untuk membudayakan integriti dan amalan kebertanggungjawaban pentadbiran sektor awam dan swasta serta orang awam tentang kepentingan memerangi rasuah disebabkan kesan buruknya kepada negara.

(ii) Agensi perlu memberi perhatian yang serius mengenai isu

integriti dalam perolehan Kerajaan bagi mengelakkan sebarang perlanggaran kepada akta ini.

(iii) Sebarang kesalahan jenayah seperti rasuah, penipuan dan pecah amanah yang melibatkan perolehan Kerajaan perlu diambil tindakan oleh Agensi untuk dibawa kepada Pihak Berkuasa dan tindakan mahkamah sivil jika berkaitan. Syarikat/firma/kontraktor atau mana-mana ahli Lembaga Pengarah atau mana-mana ahli pengurusan yang melakukan jenayah dan disabitkan oleh mahkamah akan disusuli dengan tindakan tatatertib selaras dengan peraturan yang berkuatkuasa di bawah PP/PK8.

2.2. Akta Rahsia Rasmi 1972 [*Akta 88*]

(i) Pegawai awam terutama pegawai yang terlibat dengan perolehan Kerajaan adalah turut tertakluk kepada Akta Rahsia Rasmi 1972 [*Akta 88*]. Akta ini memperuntukkan mengenai perlindungan kepada rahsia rasmi yang juga termasuk maklumat perolehan yang hendaklah dijaga dengan cara berpatutan di mana ketidakpatuhannya boleh menjadi suatu kesalahan di bawah seksyen 8 Akta.

(ii) Pegawai awam yang terlibat dengan urusan perolehan sama ada secara langsung atau tidak langsung perlu menandatangani perakuan sebagai pematuhan kepada Akta 88.

(iii) **Kerahsiaan Maklumat Perolehan**

a. **Dokumen perolehan diklasifikasikan sebagai Sulit**

Semua maklumat berkenaan sesuatu perolehan termasuk dokumen pelawaan, tawaran dan penilaian hendaklah diklasifikasikan sebagai SULIT dan tidak boleh disebarkan kepada mana-mana pihak yang tidak terlibat dengan pengurusan perolehan sebelum keputusan muktamad dibuat.

b. **Merahsiakan maklumat perolehan**

Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk menjelaskan keperluan merahsiakan maklumat dan kedudukan suatu perolehan kepada pegawai yang berkenaan di bawah arahan pentadbirannya. Rujukan

hendaklah dibuat kepada peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972 *[Akta 88]* dan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 *[Akta 694]*. Mana- mana pegawai awam yang didapati membocorkan rahsia berkenaan sesuatu perolehan adalah dianggap telah melanggar peruntukan di bawah Akta tersebut dan tindakan yang sewajarnya hendaklah diambil terhadap pegawai awam yang terlibat.

2.3. Akta Persaingan 2010 [*Akta 712*]

(i) Syarikat yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan perolehan Kerajaan adalah tertakluk kepada Akta Persaingan 2010 [*Akta 712*]. Akta ini digubal bagi menggalakkan pembangunan ekonomi dengan menggalakkan dan melindungi proses persaingan. Bagi mencapai tujuan ini, Akta 712 melarang perlakuan anti-persaingan.

(ii) Seksyen 4(2)(d) Akta 712 secara spesifik melarang perjanjian tipuan bida di antara perusahaan (pembida).

(iii) Agensi perlu memberi perhatian yang serius mengenai isu kartel/pakatan tipuan bida dalam perolehan Kerajaan dan melaporkan kepada Suruhanjaya Persaingan Malaysia sekiranya terdapat tanda-tanda yang menjurus kepada pakatan tipuan bida.

2.4. Akta Syarikat (pindaan) 2024 [*Akta A1701*]

Akta ini digubal bagi menambahbaik kerangka pelaporan pemunyaan benefisial untuk memerangi aktiviti-aktiviti pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan, rasuah dan pengelakan cukai. Peruntukan perundangan baharu ini mewajibkan setiap syarikat mengenal pasti pemunya benefisial iaitu individu yang mengawal syarikat tersebut.

2.5. Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [*Akta 670*]

(i) Akta ini digubal bagi memperuntukkan kesalahan pemerdagangan orang, perlindungan dan bantuan orang yang diperdagangkan.

(ii) Bahagian III Akta 670 menjelaskan jenis-jenis kesalahan pemerdagangan orang. Eksploitasi juga termasuklah segala bentuk eksploitasi seks, kerja atau perkhidmatan paksa,

perhambaan atau amalan yang menyerupai perhambaan, pengabdian, apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang atau pemindahan organ manusia.

(iii) Agensi perlu memberi perhatian yang serius mengenai isu pemerdagangan orang dan buruh paksa dalam perolehan Kerajaan agar inisiatif pembanterasan ini selaras dengan Laporan Jabatan Negara Amerika Syarikat (JNAS) yang dikeluarkan setiap tahun.

2.6. Tanggungjawab Mengisytiharkan Kepentingan Terletak Hak

(i) Semasa urusan memproses perolehan

Mana-mana pegawai yang terlibat dalam memproses sesuatu perolehan hendaklah memastikan bahawa beliau tidak mempunyai apa-apa kepentingan persendirian atau kepentingan terletak hak mengenai perolehan itu. Mana- mana pegawai yang mempunyai kepentingan dalam apa-apa cara pun dengan pembida hendaklah mengisytiharkan kepentingan dan menarik diri secara bertulis daripada menguruskannya.

(ii) Tanggungjawab Pihak Berkuasa Melulus

Mana-mana anggota Pihak Berkuasa Melulus yang mempunyai apa-apa kepentingan mengenai sesuatu perolehan itu hendaklah mengisytiharkan kepentingannya serta menarik diri daripada perbincangan dan keputusan perolehan berkenaan dan perkara ini hendaklah diminitkan. Anggota Pihak Berkuasa Melulus hendaklah bersikap neutral dan profesional dalam mempertimbang sesuatu perolehan serta bebas daripada pengaruh luar.

2.7. Kesalahan Rasuah Dalam Perolehan Kerajaan

Selaras dengan usaha Kerajaan untuk mencegah dan membendung perlakuan berkaitan rasuah dalam perolehan Kerajaan, Agensi dikehendaki memperuntukkan klausa peringatan mengenai kesalahan rasuah dalam dokumen perolehan Kerajaan di peringkat penyediaan dokumen pelawaan perolehan, Surat Setuju Terima dan Dokumen Kontrak.

2.8. Kesalahan Kartel/Pakatan Tipuan Bida

Selaras dengan keputusan mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) Peringkat Kebangsaan Siri 6 Bil. 2 Tahun 2021, Agensi dikehendaki memperuntukkan klausa berkaitan pengisytiharan *non-collusion* di peringkat penyediaan dokumen pelawaan perolehan, Surat Setuju Terima dan Dokumen Kontrak.

2.9. Pengendalian Surat Sokongan Dalam Perolehan Kerajaan

(i) Dari semasa ke semasa, didapati pegawai awam yang terlibat dengan proses perolehan Kerajaan menerima banyak surat sokongan daripada pemimpin Kerajaan, individu berpengaruh atau mana-mana individu berhubung urusan Kerajaan yang meletakkan mereka dalam keadaan serba salah dalam membuat pertimbangan dan keputusan berhubung perkara tersebut.

(ii) Demi memastikan integriti dalam proses perolehan Kerajaan sentiasa terpelihara, Agensi hendaklah memastikan pematuhan terhadap Garis Panduan Tindakan Ke Atas Sokongan Yang Diterima Daripada Pemimpin Kerajaan, Individu Berpengaruh Atau Mana-Mana Orang Mengenai Sesuatu Urusan Kerajaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri pada 8 Mac 2010 atau mana-mana peraturan mengenainya yang berkuat kuasa hendaklah dipatuhi oleh Agensi sepenuhnya.

3. Pengisytiharan Pemunya Benefisial (BO)

3.1. Pelaksanaan pengisytiharan pemunya benefisial terbahagi kepada 2 komponen iaitu :

i) Had nilai perolehan untuk pelaksanaan pengisytiharan pemunya benefisial

Keperluan pengisytiharan pemunya benefisial hanya diperlukan ke atas perolehan bernilai melebihi RM50 ribu iaitu bagi nilai sebut harga dan tender untuk perolehan bekalan, perkhidmatan, kerja dan perunding. Ini kerana perincian maklumat yang dinyatakan dalam dokumen perjanjian seperti Surat Setuju Terima (SST) perlu diperakukan oleh Pesuruhjaya Sumpah dan peraturan ini dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan (PP)/ Perolehan Kerajaan (PK) 4.2. Sekiranya pada bila-bila masa, dibuktikan bahawa pengisytiharan di dalam SST adalah tidak benar, Kerajaan berhak

menarik balik tawaran kontrak atau menamatkan perkhidmatan syarikat bagi sesuatu projek ini dan membatalkan SST tersebut melalui Notis Pembatalan Surat Setuju Terima.

ii) Peringkat Pengisytiharan pemunya benefisial

Peringkat	Kaedah Pelaksanaan
Pendaftaran Syarikat	Syarikat yang hendak membuat pendaftaran baharu atau syarikat yang ingin memperbaharui sijil pendaftaran perlu mengisytiharkan pemunya benefisial sebelum permohonan diluluskan.
Semakan dokumen di peringkat Jawatankuasa Pembuka	Syarikat dikehendaki menghantar dokumen pengisytiharan pemunya benefisial untuk disemak oleh Jawatankuasa Pembuka semasa peringkat semakan pematuhan dokumen.
Semakan dokumen di peringkat Jawatankuasa Kewangan	Jawatankuasa Kewangan perlu membuat semakan pematuhan dokumen pengisytiharan pemunya benefisial. Jika terdapat keraguan wujudnya kartel tipuan bida, Jawatankuasa Kewangan perlu memaklumkan kepada urus setia perolehan untuk melaporkan kepada pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) untuk tindakan selanjutnya.
Keputusan Pihak Berkuasa Melulus (PBM)	Urus setia Lembaga Perolehan membuat semakan pemunya benefisial terhadap syarikat yang disyorkan berdasarkan kepada hasil penilaian Jawatankuasa Kewangan untuk diperakukan dan dimuktamadkan oleh PBM.

4. Jenayah Pemerdagangan Orang dan Buruh Paksa

4.1. Laporan Jabatan Negara Amerika Syarikat (JNAS) mengenai pemerdagangan orang yang dikeluarkan setiap tahun menilai dan melaporkan berkenaan inisiatif-inisiatif yang telah diambil oleh Kerajaan dalam usaha membanteras jenayah pemerdagangan

orang dan buruh paksa. Laporan ini meliputi penambahbaikan daripada aspek pencegahan, kerjasama dan usaha daripada Kerajaan serta pelbagai pihak berkepentingan yang lain.

4.2. Laporan JNAS mengenai Pemerdagangan Orang adalah laporan yang dikeluarkan oleh Amerika Syarikat setiap tahun yang menilai 188 buah negara mengenai pematuhan kepada undang-undang serta konvensyen antarabangsa jenayah pemerdagangan orang dari aspek pendakwaan dan penguatkuasaan, perlindungan mangsa dan pencegahan untuk tempoh penilaian 1 April sehingga 31 Mac tahun seterusnya.

4.3. Terdapat 4 kedudukan tahap (*tier*) berkaitan pematuhan kepada *standard minimum trafficking Victim Proctection Act* 2000 (TVPA). Justeru, Malaysia perlu meningkatkan usaha memerangi pemerdagangan orang bagi menambah baik penarafan Malaysia kepada tahap terbaik iaitu Tahap 1 (mematuhi sepenuhnya TVPA) untuk penilaian tahun-tahun berikutnya memandangkan Laporan JNAS pada tahun 2024 menunjukkan Malaysia mendapat penarafan Tahap 2 iaitu tidak mematuhi sepenuhnya TVPA, namun melaksanakan usaha yang signifikan untuk mematuhi TVPA.

4.4. Selaras dengan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [*Akta 670*] dan Akta Kerja [*Akta 265*] serta mana-mana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia, satu akuan atau pengisytiharan oleh syarikat atau pembida perlu dilaksanakan bagi meningkatkan kesedaran tentang hak pekerja, perlindungan dan akses kepada remedi.

4.5. Justeru, semua syarikat atau pembida yang menyertai perolehan Kerajaan adalah diwajibkan untuk menandatangani surat akuan atau ikrar menangani jenayah pemerdagangan orang dan buruh paksa sebagai usaha terbaik dalam menyokong pelaksanaan perolehan Kerajaan di samping sebagai tonggak pencegahan dalam Laporan JNAS.

4.6. Sekiranya berlaku kes buruh paksa, agensi yang bertanggungjawab adalah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA). Jika perkara melibatkan kes pemerdagangan orang, tindakan penguatkuasaan adalah di bawah Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [*Akta 670*] oleh lima (5) agensi penguatkuasaan di bawah Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO).

5. Pelaksanaan *Integrity Pact* Dalam Perolehan Kerajaan

5.1. Salah satu inisiatif bagi meningkatkan amalan integriti termasuk usaha memerangi pemerdagangan orang dan buruh paksa dalam proses perolehan Kerajaan adalah melalui pelaksanaan *Integrity Pact.* Objektif utama pelaksanaan *Integrity Pact* adalah untuk memperkukuh usaha meningkatkan integriti dan ketelusan dalam perolehan Kerajaan serta dalam masa yang sama mencegah ketirisan dalam perbelanjaan Kerajaan dan mengekang penyalahgunaan kuasa termasuklah penyalahgunaan sumber manusia dengan cara mengeksploitasi bagi tujuan pemerdagangan orang dan buruh paksa.

5.2. *Integrity Pact* merupakan proses pengisytiharan kendiri untuk tidak menawar atau memberi rasuah sebagai dorongan mendapatkan sesuatu kontrak atau bagi mempercepatkan sesuatu urusan perolehan Kerajaan, atau terlibat dengan pakatan tipuan bida. Pegawai awam hendaklah menandatangani satu akuan atau perjanjian untuk tidak terlibat dalam perbuatan rasuah dalam urusan perolehan atau pelaksanaan suatu kontrak. Syarikat atau pembida pula hendaklah menandatangani satu akuan atau perjanjian untuk tidak melakukan perbuatan rasuah dan tipuan bida dalam urusan perolehan atau pelaksanaan suatu kontrak. Akuan atau perjanjian tersebut juga menggariskan tindakan yang boleh diambil sekiranya berlaku pelanggaran. Syarikat atau pembida juga perlu membuat pengisytiharan pemunya benefisial yang menyertai perolehan Kerajaan berdasarkan garis panduan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

5.3. Selain itu, syarikat yang menyertai perolehan Kerajaan perlu menandatangani satu akuan atau pengisytiharan yang menyokong pendekatan Kerajaan Malaysia dalam mencegah, memerangi dan membasmi jenayah pemerdagangan orang dan buruh paksa.

5.4. Semua pihak yang terlibat dalam proses perolehan Kerajaan adalah dikehendaki menandatangani *Integrity Pact* seperti berikut:

(i) Pegawai Awam Yang Terlibat Dalam Proses Perolehan Kerajaan

a. Setiap pegawai awam yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam proses perolehan Kerajaan hendaklah menandatangani Surat Akuan Oleh Pegawai Awam Yang Terlibat Dalam Perolehan Kerajaan.

b. Akuan ini hendaklah dibuat apabila pegawai melaporkan diri atau mula melaksanakan tugas. Setiap Ketua Bahagian hendaklah memastikan semua pegawai dan kakitangan memperbaharui akuan mereka setiap tahun.

(ii) Ahli Jawatankuasa Berkaitan Perolehan

a. Setiap individu yang dilantik menganggotai mana-mana Jawatankuasa berkaitan perolehan dikehendaki menandatangani Surat Akuan Pelantikan Ahli Jawatankuasa Berkaitan Perolehan sekali sahaja bagi setiap pelantikan.

b. Selain itu, setiap Ahli Jawatankuasa berkaitan perolehan dikehendaki menandatangani Surat Akuan Selesai Tugas Jawatankuasa yang dianggotainya setelah menamatkan setiap tugasan.

(iii) Ahli Pihak Berkuasa Melulus

a. Setiap individu yang dilantik sebagai Pengerusi/AhIi Tetap/AhIi Ganti Pihak Berkuasa Melulus hendaklah menandatangani Surat Akuan pelantikan sekali sahaja bagi setiap pelantikan.

b. Setiap Pengerusi/Ahli Tetap/Ahli Ganti Pihak Berkuasa Melulus hendaklah menandatangani Surat Akuan Selesai Tugas Ahli Lembaga/Jawatankuasa Perolehan setelah selesai setiap mesyuarat yang dihadiri.

(iv) Syarikat

a. Syarikat/Kontraktor hendaklah memastikan Surat Akuan Syarikat Yang Mendaftar Dengan Kementerian Kewangan/Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) [Surat Akuan Syarikat] diisi dengan lengkap, ditandatangani dan dikemukakan semasa permohonan baharu dan pembaharuan pendaftaran.

b. Syarikat perlu membuat pengisytiharan pemunya benefisial untuk menyertai perolehan Kerajaan.

(v) Pembida

a. Setiap Agensi hendaklah memastikan sesalinan Surat Akuan Pembida borang pengisytiharan pemunya benefisial serta surat akuan menangani jenayah pemerdagangan orang dan buruh paksa disertakan bersama dokumen pelawaan perolehan. Pembida hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida diisi dengan lengkap, ditandatangani dan dikepilkan bersama dokumen tawaran.

b. Agensi hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida Berjaya disertakan bersama Surat Setuju Terima (SST). Pembida berjaya hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida Berjaya diisi dengan lengkap, ditandatangani serta dikepilkan bersama SST dan dikembalikan kepada Agensi. Setiap Agensi hendaklah memastikan klausa mengenai rasuah dan tipuan bida diperuntukkan dalam semua dokumen kontrak.

c. Agensi juga hendaklah memastikan Surat Akuan Syarikat, borang pengisytiharan pemunya benefisial serta surat akuan menangani jenayah pemerdagangan orang dan buruh paksa disertakan bersama SST bagi syarikat yang dilantik secara rundingan terus. Syarikat tersebut hendaklah memastikan Surat Akuan Syarikat, borang pengisytiharan pemunya benefisial serta surat akuan menangani jenayah pemerdagangan orang dan buruh paksa diisi dengan lengkap, ditandatangani serta dikepilkan bersama SST dan dikembalikan kepada Agensi. Setiap Agensi hendaklah memastikan klausa mengenai rasuah dan tipuan bida diperuntukkan dalam semua dokumen kontrak.

5.5. Laporan berkaitan pelaksanaan *Integrity Pact* termasuk surat akuan menangani jenayah pemerdagangan orang dan buruh paksa hendaklah dikemukakan oleh Pegawai Pengawal kepada Kementerian Kewangan setiap suku tahun.

5.6. Garis Panduan Pelaksanaan *Integrity Pact* Dalam Perolehan Kerajaan seperti di **Lampiran A** akan dapat membantu Agensi dalam memastikan semua perolehan Kerajaan dilaksanakan dengan lebih telus dan seterusnya mengelak berlakunya ketirisan, rasuah, tipuan bida serta penyalahgunaan kuasa.

6. Tarikh Kuat Kuasa

6.1. Peraturan ini berkuat kuasa mulai **1 Jun 2022.**

6.2. Peraturan dikemas kini kali pertama pada **1 April 2023.**

6.3. Peraturan dikemas kini berkuat kuasa pada **15 Ogos 2023**.

6.4. Peraturan dikemas kini berkuat kuasa pada **1 Januari 2025**.

LAMPIRAN

GARIS PANDUAN
PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT*
DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

SENARAI KANDUNGAN

KANDUNGAN		MUKA SURAT
1.	Latar Belakang Pelaksanaan *Integrity Pact* Dalam Perolehan Kerajaan	4
2.	Peringkat Pelaksanaan *Integrity Pact* Bagi Pegawai Awam Yang Terlibat Dalam Perolehan Kerajaan	6
3.	Peringkat Pelaksanaan *Integrity Pact* Bagi Ahli Jawatankuasa Berkaitan Perolehan	7
4.	Peringkat Pelaksanaan *Integrity Pact* Bagi Pihak Berkuasa Melulus (PBM) Perolehan	8
5.	Peringkat Pelaksanaan *Integrity Pact* Bagi Pembida	9
6.	Peringkat Pelaksanaan *Integrity Pact* Bagi Pelantikan Perunding	10
7.	Peringkat Pelaksanaan *Integrity Pact* Bagi Pendaftaran Syarikat Dengan Kementerian Kewangan (MOF)/Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)	11
8.	Pelaporan dan Pemantauan Pelaksanaan *Integrity Pact* oleh Agensi	12

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
1	Surat Akuan Oleh Pegawai Awam Yang Terlibat Dalam Perolehan	13
2	Surat Akuan Pelantikan Ahli Jawatankuasa Berkaitan Perolehan	14
3	Surat Akuan Selesai Tugas Ahli Jawatankuasa Berkaitan Perolehan	15
4	Surat Akuan Ahli Lembaga/Jawatankuasa Perolehan	16
5	Surat Akuan Selesai Tugas Ahli Lembaga/Jawatankuasa Perolehan	17
6	Surat Akuan Pembida	18
7	Surat Akuan Pembida Berjaya	20
8	Klausa Pencegahan Rasuah Dan Tipuan Bida Dalam Dokumen Perolehan Kerajaan	22
9	Surat Akuan Kepentingan Perunding	23
10	Surat Akuan Perunding Yang Dilantik	25
11	Surat Akuan Oleh Syarikat Yang Mendaftar dengan Kementerian Kewangan (MOF)/Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)	27
12	Borang Pengisytiharan Pemunya Benefisial (*Beneficial Ownership* – BO)	29
13	Surat Akuan Syarikat Dalam Menangani Jenayah Pemerdagangan Orang Dan Buruh Paksa	30
14	Laporan Bulanan Pelaksanaan *Integrity Pact* Dalam Perolehan Kerajaan	31

1. LATAR BELAKANG PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT* DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

Salah satu inisiatif bagi meningkatkan integriti dalam proses perolehan Kerajaan adalah melalui penggunaan *Integrity Pact.* Objektif utama pelaksanaan *Integrity Pact* adalah untuk mengelakkan percanggahan kepentingan (*conflict of interest*) serta mencegah amalan rasuah, amalan tipuan bida dan ketirisan dalam perbelanjaan Kerajaan serta mengekang penyalahgunaan kuasa.

Oleh itu, setiap syarikat diwajibkan untuk mengisytihar Pemunya Benefisial (*Beneficial Ownership* – BO) seperti yang telah diperuntukan dalam Akta Syarikat 2016 (Pindaan 2024) yang dikuatkuasakan pada 1 April 2024 melibatkan kawal selia perniagaan di Malaysia.

Selain itu, Malaysia perlu menambah baik penarafan kepada tahap terbaik iaitu Tahap 1 dalam Laporan Negara Amerika Syarikat (JNAS) iaitu laporan mengenai pemerdagangan orang yang dikeluarkan setiap tahun yang menilai dan melaporkan berkenaan inisiatif-inisiatif yang telah diambil oleh Kerajaan dalam usaha membanteras jenayah pemerdagangan orang dan buruh paksa. Justeru, satu pendekatan berbentuk akuan atau pengisytiharan oleh syarikat atau pembida yang menyertai perolehan Kerajaan perlu dilaksanakan untuk menyokong pendekatan Kerajaan Malaysia dalam mencegah, memerangi dan membasmi jenayah pemerdagangan orang dan buruh paksa.

Integrity Pact merupakan satu proses pengisytiharan kendiri oleh syarikat/orang awam untuk tidak menawar atau memberi rasuah bagi mendapatkan kontrak atau sebagai ganjaran mendapatkan sesuatu kontrak atau bagi mempercepatkan sesuatu urusan perolehan Kerajaan, atau terlibat dengan pakatan tipuan bida. Pegawai awam hendaklah menandatangani satu akuan atau pengisytiharan untuk tidak melakukan perbuatan rasuah dalam pelaksanaan suatu kontrak perolehan Kerajaan. Syarikat pula hendaklah menandatangani satu akuan atau perjanjian untuk tidak melakukan perbuatan rasuah dan tipuan bida dalam urusan perolehan atau pelaksanaan suatu kontrak. Tindakan boleh diambil atas ketidakpatuhan kepada akuan atau pengisytiharan tersebut.

Tujuan utama *Integrity Pact* dilaksanakan dalam perolehan Kerajaan adalah seperti yang berikut:

(i) mengelakkan pegawai awam yang menguruskan proses perolehan menerima rasuah;
(ii) mengelakkan syarikat/pembida daripada menawar atau memberi rasuah dan/atau terlibat dengan tipuan bida;
(iii) menghendaki syarikat/pembida melaporkan sebarang kesalahan rasuah dan/atau tipuan bida kepada Pihak Berkuasa; dan
(iv) memastikan Kerajaan tidak menanggung "*unnecessary costs*" dalam pelaksanaan urusan perolehan.

Pelaksanaan *Integrity Pact* ini juga diharap dapat meningkatkan kesedaran berkaitan kesalahan rasuah dan tipuan bida dalam kalangan pegawai awam dan pihak-pihak yang berurusan dalam perolehan Kerajaan. Langkah ini diharap dapat menghapuskan kesalahan rasuah dan tipuan bida yang berlaku dalam perolehan Kerajaan, antara lain seperti yang berikut:

(i) pemberian dan penerimaan suapan (*kickback/bribery*) antara pegawai

awam dengan syarikat dalam pelbagai bentuk seperti wang, hadiah, derma, diskaun, bonus, pekerjaan dan sebagainya seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*];

(ii) penyalahgunaan kuasa yang melibatkan konflik kepentingan pegawai awam berhubung pemilihan syarikat pembekal, perkhidmatan, pembinaan dan perunding di mana pegawai awam mempunyai kepentingan;
(iii) tuntutan atau perakuan palsu melibatkan syarikat dan pegawai awam;
(iv) pemalsuan maklumat dokumen dan rekod untuk mengaburi penilaian perolehan;
(v) perbuatan subahat antara pegawai awam dan syarikat; dan
(vi) perjanjian anti persaingan yang membentuk tipuan bida merangkumi bidaan terselindung, bidaan yang menindas, bidaan secara giliran, bidaan tidak mematuhi, pembahagian pasaran dan perjanjian subkontrak sebagai balasan kepada persetujuan untuk menjadi ahli pakatan dan sebagainya.

Semua Agensi adalah dikehendaki memperuntukkan Klausa Peringatan Kesalahan Rasuah dan Tipuan Bida dalam Dokumen Tender, Surat Setuju Terima dan Dokumen Kontrak.

Garis Panduan ini akan menjelaskan dengan lebih terperinci bagaimana konsep *Integrity Pact* ini dilaksanakan di pelbagai peringkat proses perolehan Kerajaan termasuk penyediaan laporan bagi tujuan pemantauan. Kementerian Kewangan juga menerapkan elemen *Integrity Pact* dalam proses pendaftaran syarikat dengan mewajibkan pengisytiharan oleh syarikat berkaitan kesalahan rasuah dan tipuan bida. Manakala pelaksanaan *Integrity Pact* dalam proses perolehan yang lain seperti yang dijelaskan dalam Garis Panduan ini hendaklah dilaksanakan oleh semua Agensi.

2. PERINGKAT PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT* BAGI PEGAWAI AWAM YANG TERLIBAT DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

PERINGKAT	PROSES KERJA
a. Semasa Lapor Diri	Setiap pegawai awam yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam proses perolehan Kerajaan hendaklah menandatangani Surat Akuan Oleh Pegawai Awam Yang Terlibat Dalam Perolehan Kerajaan seperti di **Lampiran 1**. Akuan ini hendaklah dibuat apabila pegawai melaporkan diri atau mula melaksanakan tugas. Surat Akuan tersebut hendaklah disimpan di dalam fail peribadi pegawai. Setiap Ketua Bahagian hendaklah memastikan semua pegawai dan kakitangannya menandatangani Surat Akuan Oleh Pegawai Awam Yang Terlibat Dalam Perolehan Kerajaan sebelum memulakan tugas atau terlibat dalam sebarang urusan perolehan.
b. Sekali Setiap Tahun	Setiap Ketua Bahagian hendaklah memastikan semua pegawai dan kakitangan memperbaharui akuan mereka setiap tahun.

*Pegawai Awam merujuk kepada anggota perkhidmatan awam yang terlibat dalam proses yang ditempatkan di:

(i) Bahagian/Seksyen/Unit Perolehan;
(ii) Bahagian/Seksyen/Unit Pembangunan;
(iii) Bahagian/Seksyen/Unit Kewangan;
(iv) Agensi yang terlibat dengan pendaftaran pembekal/kontraktor/firma;
(v) Urus Setia Lembaga/Jawatankuasa Tender/Sebut Harga/Perolehan; atau
(vi) Mana-mana Bahagian, Seksyen dan Unit lain yang terlibat dalam perolehan.

3. PERINGKAT PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT* BAGI AHLI JAWATANKUASA BERKAITAN PEROLEHAN

PERINGKAT	PROSES KERJA
a. Semasa pelantikan sebagai Pengerusi/Ahli Jawatankuasa Berkaitan Perolehan	Setiap individu yang dilantik menganggotai mana-mana Jawatankuasa Berkaitan Perolehan dikehendaki menandatangani Surat Akuan Pelantikan Pengerusi/Ahli Jawatankuasa Berkaitan Perolehan seperti di **Lampiran 2**. Sesalinan Akuan tersebut akan disimpan oleh Urus Setia di dalam fail berkaitan.
b. Apabila selesai sesuatu tugas	Setiap Pengerusi/Ahli Jawatankuasa Berkaitan Perolehan dikehendaki menandatangani Surat Akuan Selesai Tugas Jawatankuasa Berkaitan Perolehan setelah menamatkan setiap tugasan seperti di **Lampiran 3**. Akuan ini hendaklah dikepilkan bersama laporan berkaitan dan difailkan.

Jawatankuasa Berkaitan Perolehan adalah seperti yang berikut:

(i) Jawatankuasa Spesifikasi;
(ii) Jawatankuasa Pembuka Tender/Sebut Harga;
(iii) Jawatankuasa Penilaian - Teknikal dan/atau Kewangan;
(iv) Jawatankuasa Rundingan Harga; dan
(v) Lain-lain jawatankuasa berkaitan perolehan.

4. PERINGKAT PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT* BAGI PIHAK BERKUASA MELULUS (PBM) PEROLEHAN

PERINGKAT	PROSES KERJA
a. Semasa Pelantikan Sebagai Pengerusi/Ahli Lembaga/PBM Perolehan	Setiap individu yang dilantik sebagai Pengerusi/ Pengerusi Ganti Lembaga/PBM Perolehan hendaklah menandatangani Surat Akuan Ahli Lembaga/ Jawatankuasa Perolehan seperti di **Lampiran 4**. Sesalinan Surat Akuan hendaklah disimpan oleh Urus Setia Lembaga/PBM Perolehan.
b. Setiap kali Mesyuarat Lembaga/PBM Perolehan bersidang	Setiap Pengerusi/Pengerusi Ganti Lembaga/PBM Perolehan hendaklah menandatangani Surat Akuan Selesai Tugas Ahli Lembaga/PBM Perolehan seperti di **Lampiran 5** pada setiap mesyuarat setelah selesai melaksanakan tugas. Sesalinan Surat Akuan hendaklah disimpan oleh Urus Setia Lembaga/PBM Perolehan.

Lembaga/PBM Perolehan merujuk kepada:

(i) Lembaga Perolehan/Tender Persekutuan atau Negeri;
(ii) Lembaga Perolehan/Tender Badan Berkanun/ Pihak Berkuasa Tempatan;
(iii) Jawatankuasa Sebut Harga;
(iv) Jawatankuasa Projek Sakit;
(v) Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja/ Tuntutan;
(vi) Jawatankuasa Penyelarasan Harga; atau
(vii) Lain-lain jawatankuasa yang bertanggungjawab untuk menimbang dan memuktamadkan perolehan/tender.

5. PERINGKAT PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT* BAGI PEMBIDA

PERINGKAT	PROSES KERJA
a. Semasa pembelian/ pengambilan dokumen perolehan	Setiap Agensi hendaklah memastikan sesalinan surat akuan pembida, borang pengisytiharan pemunya benefisial serta surat akuan menangani jenayah pemerdagangan orang dan buruh paksa disertakan bersama dokumen tender/sebut harga yang diedarkan kepada pembida. Sesalinan surat akuan pembida, borang pengisytiharan pemunya benefisial serta surat akuan menangani jenayah pemerdagangan orang dan buruh paksa seperti di **Lampiran 6**, **Lampiran 12 dan lampiran 13**.
b. Semasa penyerahan dokumen perolehan oleh pembida	Apabila menghantar dokumen tender/sebut harga setiap pembida hendaklah memastikan surat akuan pembida, borang pengisytiharan pemunya benefisial serta surat akuan menangani jenayah pemerdagangan orang dan buruh paksa diisi dengan lengkap dan ditandatangani serta dikepilkan bersama dokumen tender/sebut harga.
c. Semasa Surat Setuju Terima dikeluarkan kepada pembida berjaya	Apabila mengeluarkan Surat Setuju Terima kepada pembida yang berjaya, Agensi hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida Berjaya disertakan bersama Surat Setuju Terima. Sesalinan Surat Akuan Pembida Berjaya seperti di **Lampiran 7***.
d. Apabila Surat Setuju Terima ditandatangani dan dikembalikan oleh pembida berjaya	Pembida berjaya hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida Berjaya diisi dengan lengkap, ditandatangani serta dikepilkan bersama Surat Setuju Terima dan dikembalikan kepada Agensi.
e. Apabila perjanjian perolehan ditandatangani oleh pembida berjaya dan Agensi	Setiap Agensi hendaklah memastikan klausa mengenai rasuah dan tipuan bida seperti di **Lampiran 8** dimasukkan dalam semua dokumen kontrak.

Pembida merujuk kepada:

(i) Petender; dan
(ii) Penyebut Harga.

*Lampiran 7 juga hendaklah diisi dan dilengkapkan oleh syarikat yang dilantik secara rundingan terus

6. PERINGKAT PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT* BAGI PELANTIKAN PERUNDING

PERINGKAT	PROSES KERJA
a. Semasa Surat Niat dikeluarkan (sekiranya ada)	Setiap Agensi hendaklah memastikan Surat Akuan Kepentingan Perunding disertakan bersama Surat Niat diserahkan kepada Perunding. Surat Akuan Kepentingan Perunding seperti di **Lampiran 9**.
b. Sebelum rundingan dilaksanakan (sekiranya ada)	Setiap Agensi hendaklah memastikan Surat Akuan Kepentingan Perunding ditandatangani dan dikembalikan kepada Agensi berkaitan sebelum apa- apa rundingan dimulakan.
c. Semasa Surat Setuju Terima dikeluarkan kepada perunding yang dilantik	Setiap Agensi hendaklah memastikan Surat Akuan Perunding Yang Dilantik disertakan bersama Surat Setuju Terima yang dikeluarkan kepada Perunding. Sesalinan Surat Akuan Perunding Yang Dilantik seperti di **Lampiran 10**.
d. Apabila Surat Setuju Terima ditandatangani dan dikembalikan oleh perunding	Perunding hendaklah memastikan Surat Akuan Perunding Yang Dilantik diisi dengan lengkap, ditandatangani serta dikepilkan bersama Surat Setuju Terima dan dikembalikan kepada Agensi.
e. Apabila perjanjian perolehan ditandatangani oleh pembida berjaya dan Agensi	Setiap perunding yang dilantik hendaklah menandatangani dokumen kontrak perunding yang mengandungi Klausa Pencegahan Rasuah dan tipuan bida seperti di **Lampiran 8.**

7. PERINGKAT PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT* BAGI PENDAFTARAN SYARIKAT DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF)/LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB)

PERINGKAT	PROSES KERJA
Semasa memohon untuk mendaftar/memperbaharui pendaftaran dengan MOF/CIDB	Syarikat hendaklah memastikan sesalinan Surat Akuan Syarikat dikemukakan semasa permohonan pendaftaran baharu dan pembaharuan pendaftaran dikemukakan kepada MOF/CIDB. Sesalinan Surat Akuan Syarikat seperti di **Lampiran 11**.

Syarikat merujuk kepada:

(i) Syarikat/Kontraktor/Perunding/Koperasi/Organisasi yang memohon untuk berdaftar dengan MOF dan CIDB

8. PELAPORAN BAGI TUJUAN PEMANTAUAN PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT* OLEH AGENSI

PERINGKAT	PROSES KERJA
a. Penyediaan laporan oleh Agensi	Setiap Agensi hendaklah memastikan Laporan Bulanan Pelaksanaan *Integrity Pact* Dalam Perolehan Kerajaan disediakan berdasarkan format seperti di **Lampiran 14** dan dikemukakan kepada penyelaras di Kementerian.
b. Penghantaran laporan oleh penyelaras Kementerian kepada MOF	Laporan yang telah diselaraskan di peringkat Kementerian hendaklah dikemukakan secara suku tahunan (rujuk perkara 3.4 melalui e-mel kepada: Setiausaha Bahagian Bahagian Perolehan Kerajaan Kementerian Kewangan Malaysia Aras 5, Blok Utara No. 5, Persiaran Perdana, Presint 2 Pusat Pentadbiran Persekutuan 62592 Putrajaya (u.p.: Unit D5, Seksyen Dasar Perolehan Kerajaan) E-emel: dataperolehan@treasury.gov.my

LAMPIRAN 1

SURAT AKUAN OLEH PEGAWAI AWAM YANG TERLIBAT DALAM PEROLEHAN

Saya, ...……..... No. Kad Pengenalan (Awam/Tentera/Polis) ……..... adalah dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengisytiharkan bahawa:

i. Saya tidak akan melibatkan diri saya dalam mana-mana amalan rasuah dengan mana-mana pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam perolehan;
ii. Saya tidak akan bersubahat dengan mana-mana pihak yang boleh menjejaskan ketelusan dan keadilan semasa mana-mana proses perolehan dan semasa tempoh pelaksanaan kontrak;
iii. Sekiranya terdapat sebarang percubaan rasuah daripada mana-mana pihak, saya akan membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan satu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya;
iv. Saya sesungguhnya faham bahawa kegagalan saya mematuhi perkara i, ii dan iii dalam Surat Akuan ini boleh menyebabkan saya didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*] dan Kanun Keseksaan [*Akta 574*] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing;
v. Saya akan mengisytiharkan dengan segera kepada Ketua Jabatan sekiranya terdapat mana-mana anggota atau keluarga terdekat yang mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana urusan perolehan yang dikendalikan oleh saya;
vi. Saya tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat sulit berkaitan perolehan Kerajaan kepada mana-mana pihak selaras dengan Seksyen 8(1) Akta Rahsia Rasmi 1972 [*Akta 88*]; dan
vii. Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya melanggar mana-mana terma dalam Surat Akuan ini, saya juga boleh dikenakan tindakan di bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

	Disaksikan oleh** :
Tandatangan :	Tandatangan :
Nama :	Nama:
No.KP :	No.KP :
Jawatan :	Jawatan :
Tarikh :	Tarikh :

Catatan:

(i) *termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3(a), takrif “kesalahan ditetapkan”) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [*Akta 574*].
(ii) **disaksikan oleh Ketua Jabatan.

LAMPIRAN 2

SURAT AKUAN PELANTIKAN AHLI JAWATANKUASA BERKAITAN PEROLEHAN

Saya, …….....No. Kad Pengenalan (Awam/Tentera/Polis) ..... adalah dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengisytiharkan bahawa:

i. Saya tidak akan melibatkan diri saya dalam mana-mana amalan rasuah dengan mana-mana pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam perolehan (.....Tajuk dan no. rujukan perolehan);

ii. Saya tidak akan bersubahat dengan mana-mana pihak yang boleh menjejaskan ketelusan dan keadilan semasa perolehan;

iii. Sekiranya terdapat sebarang percubaan rasuah daripada mana-mana pihak, saya akan membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan satu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya;

iv. Saya dengan ini mengisytiharkan bahawa tiada mana-mana orang seperti definisi dan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*] dan Kanun Keseksaan [*Akta 574*] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing yang mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana urusan perolehan yang dikendalikan oleh saya;

v. Saya sesungguhnya faham bahawa kegagalan saya mematuhi perkara i, ii, iii dan iv dalam Surat Akuan ini boleh menyebabkan saya didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*] dan Kanun Keseksaan [*Akta 574*] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing;

vi. Saya tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat sulit berkaitan perolehan Kerajaan kepada mana-mana pihak selaras dengan Seksyen 8(1) Akta Rahsia Rasmi 1972 [*Akta 88*]; dan

vii. Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya melanggar mana-mana terma dalam Surat Akuan ini, saya juga boleh dikenakan tindakan di bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Tandatangan	:	.....
Nama	:	.....
No.KP	:	.....
Jawatan	:	.....
Tarikh	:	.....

Catatan:

(i) *termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3(a), takrif “kesalahan ditetapkan”) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

LAMPIRAN 3

SURAT AKUAN SELESAI TUGAS AHLI JAWATANKUASA BERKAITAN PEROLEHAN

Saya,…….…….....No. Kad Pengenalan (Awam/Tentera/Polis) ……. dari …...(Nama Kementerian/Agensi)…… adalah dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengisytiharkan bahawa:

i. Saya telah melaksanakan tugas sebagai ahli ...(Nama Jawatankuasa, Tajuk Perolehan)..... tanpa mempunyai apa-apa kepentingan peribadi atau kepentingan terletak hak atau dipengaruhi oleh mana-mana pihak lain atau terlibat dalam apa-apa amalan rasuah atau suapan seperti ditafsirkan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*];

ii. Tiada mana-mana orang seperti definisi dan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*] dan Kanun Keseksaan [*Akta 574*] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana urusan perolehan yang dikendalikan oleh saya;

iii. Saya sesungguhnya faham bahawa kegagalan saya mematuhi perkara i dan ii dalam Surat Akuan ini boleh menyebabkan saya didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*] dan Kanun Keseksaan [*Akta 574*] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing;

iv. Saya tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat sulit berkaitan perolehan ini kepada mana-mana pihak selaras dengan Seksyen 8(1) Akta Rahsia Rasmi 1972 [*Akta 88*]; dan

v. Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya melanggar mana-mana terma dalam Surat Akuan ini, saya juga boleh dikenakan tindakan di bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Tandatangan	:	.....
Nama	:	.....
No.KP	:	.....
Jawatan	:	.....
Kementerian/Agensi	:	.....
Tarikh	:	.....

Catatan:

(i) *termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3(a), takrif “kesalahan ditetapkan”) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

LAMPIRAN 4

SURAT AKUAN AHLI LEMBAGA/JAWATANKUASA PEROLEHAN

Saya, ……..... No. Kad Pengenalan (Awam/Tentera/Polis) ……. dari ……(Nama Kementerian/Agensi)…… adalah dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengisytiharkan bahawa:

i. Saya tidak akan melibatkan diri saya dalam mana-mana amalan rasuah dengan mana-mana pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam melaksanakan tanggungjawab saya sebagai Ahli (Nama Lembaga / Jawatankuasa Perolehan.....);

ii. Saya tidak akan bersubahat atau dipengaruhi oleh mana-mana pihak dalam melaksanakan tanggungjawab saya;

iii. Sekiranya terdapat sebarang percubaan rasuah daripada mana-mana pihak, saya akan membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya;

iv. Saya sesungguhnya faham bahawa kegagalan saya mematuhi perkara i, ii dan iii dalam Surat Akuan ini boleh menyebabkan saya didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*] dan Kanun Keseksaan [*Akta 574*] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing;

v. Saya akan mengisytiharkan apa-apa kepentingan peribadi atau kepentingan terletak hak secara bertulis dan akan menarik diri daripada membuat sebarang keputusan;

vi. Saya tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat sulit berkaitan perolehan Kerajaan kepada mana-mana pihak selaras dengan Seksyen 8(1) Akta Rahsia Rasmi 1972 [*Akta 88*]; dan

vii. bahawa jika saya melanggar mana-mana terma dalam Surat Akuan ini, saya juga boleh dikenakan tindakan di bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Tandatangan	:	.....
Nama	:	.....
No.KP	:	.....
Jawatan	:	.....
Kementerian/Agensi	:	.....
Tarikh	:	.....

Catatan:

(i) *termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3(a), takrif “kesalahan ditetapkan”) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

LAMPIRAN 5

SURAT AKUAN SELESAI TUGAS AHLI LEMBAGA/JAWATANKUASA PEROLEHAN

Saya, ……..... No. Kad Pengenalan (Awam/Tentera/Polis) ……. dari …...(Nama Kementerian/Agensi)…… adalah dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengisytiharkan bahawa:

i. Saya telah melaksanakan tugas sebagai ahli ...(Nama Jawatankuasa, Tajuk Perolehan)..... tanpa mempunyai apa-apa kepentingan peribadi atau kepentingan terletak hak atau dipengaruhi oleh mana-mana pihak lain atau terlibat dalam apa-apa amalan rasuah atau suapan seperti ditafsirkan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*];

ii. Tiada mana-mana orang seperti definisi dan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*] dan Kanun Keseksaan [*Akta 574*] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana urusan perolehan yang dikendalikan oleh saya;

iii. Saya sesungguhnya faham bahawa kegagalan saya mematuhi perkara i dan ii dalam Surat Akuan ini boleh menyebabkan saya didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*] dan Kanun Keseksaan [*Akta 574*] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing;

iv. Saya tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat sulit berkaitan perolehan ini kepada mana-mana pihak selaras dengan Seksyen 8(1) Akta Rahsia Rasmi 1972 [*Akta 88*]; dan

v. Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya melanggar mana-mana terma dalam Surat Akuan ini, saya juga boleh dikenakan tindakan di bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Tandatangan	:	.....
Nama	:	.....
No.KP	:	.....
Jawatan	:	.....
Kementerian/Agensi	:	.....
Tarikh	:	.....

Catatan:

(i) *termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3(a), takrif “kesalahan ditetapkan”) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

LAMPIRAN 6

SURAT AKUAN PEMBIDA

.....(Tajuk dan Nombor Rujukan Perolehan).....

Saya, ……(Nama Wakil Syarikat)…… No. Kad Pengenalan.....yang mewakili …...(Nama Syarikat)…… nombor Pendaftaran ……(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB)…… dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam .....{Nama Kementerian/Agensi}..... atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa--

3.1 saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 *[Akta 694]* dan Kanun Keseksaan [*Akta 574*] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i) dalam surat akuan ini; atau

3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 *[Akta 712]* atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam surat akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (*turn over)* seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 *[Akta 694]* dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 *[Akta 694],* apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan	:	.....
Nama	:	.....
No.KP	:	.....
Tarikh	:	.....
Cap Syarikat	:	.....

Catatan:

(i) *termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

(ii) **seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.

(iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.

(iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.

Pihak Syarikat : Penama pada sijil pendaftaran untuk menandatangani Surat ini.
Pihak Kerajaan : Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak.

LAMPIRAN 7

SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA

.....(Tajuk dan Nombor Rujukan Perolehan).....

Saya, ……(Nama Wakil Syarikat)…… No. Kad Pengenalan.....yang mewakili …...(Nama Syarikat)…… nombor Pendaftaran ……(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB)…… dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa- apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses perolehan atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam ……(Nama Kementerian/Agensi)…… atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan boleh berikut diambil:

2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi perolehan di atas; atau
2.2 Penamatan kontrak bagi perolehan di atas; dan
2.3 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa--

3.1 saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 *[Akta 694]* dan Kanun Keseksaan [*Akta 574*] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i) dalam surat akuan ini; atau
3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 *[Akta 712]* atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii). Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (*turn over*) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 *[Akta 694]* dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutudengan syarikat** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 *[Akta 694],* apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan	:	.....
Nama	:	.....
No.KP	:	.....
Tarikh	:	.....
Cap Syarikat	:	.....

Catatan:

(i) *termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

(ii) **seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.

(iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.

(iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.

LAMPIRAN 8

KLAUSA PENCEGAHAN RASUAH DAN TIPUAN BIDA DALAM DOKUMEN PEROLEHAN KERAJAAN

Versi Bahasa Kebangsaan

PENAMATAN DISEBABKAN OLEH RASUAH, TIPUAN BIDA, AKTIVITI HARAM ATAU AKTIVITI YANG MENYALAHI UNDANG-UNDANG

a) Tanpa prasangka kepada apa-apa hak lain Kerajaan, sekiranya [Syarikat/Kontraktor], kakitangan, pengkhidmat atau pekerjanya disabitkan oleh Mahkamah atas kesalahan rasuah atau aktiviti haram atau aktiviti yang menyalahi undang-undang atau didapati melakukan pelanggaran larangan tipuan bida di bawah Akta Persaingan 2010 [*Akta 712*] yang berkaitan dengan Perjanjian ini atau apa-apa perjanjian lain yang dimasuki oleh [Syarikat/Kontraktor] dengan Kerajaan, Kerajaan hendaklah berhak untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa, dengan memberi notis bertulis dengan serta merta kepada [Syarikat/Kontraktor] untuk menyatakan sedemikian kepada [Syarikat/Kontraktor].

b) Kerajaan berhak menuntut daripada [Syarikat/Kontraktor] apa-apa bentuk pampasan, kos, ganti rugi, kerosakan dan perbelanjaan termasuk apa-apa kos perbelanjaan sampingan yang ditanggung oleh Kerajaan akibat daripada penamatan itu.

c) Pihak-Pihak bersetuju bahawa [Syarikat/Kontraktor] tidak berhak kepada apa-apa bentuk kerugian termasuk kerugian perolehan pendapatan, pampasan, ganti rugi, kos, perbelanjaan dan sebagainya akibat daripada penamatan itu.

Versi Bahasa Inggeris

TERMINATION ON CORRUPTION, UNLAWFUL ACTIVITIES OR ILLEGAL ACTIVITIES OR BID RIGGING

a) Without prejudice to any other rights of the Government, if the [Company/Contractor], its personnel, servants or employees is or are convicted by a court of law for corruption or unlawful or illegal activities or was found to be liable for an infringement of a prohibition from performing an act of bid rigging under the Competition Act 2010 [Act 712], in relation to this Agreement or any other agreement that the [Company/Contractor] may have with the Government, the Government shall be entitled to terminate this Agreement at any time, by giving immediate written notice to that effect to the [Company/Contractor].

b) Upon such termination, the Government shall be entitled to all losses, costs, damages and expenses including any incidental costs and expenses incurred by the Government arising from such termination.

c) For the avoidance of doubt, the Parties hereby agree that the [Company/Contractor] shall not be entitled to any form of losses including loss of profit, damages, claims or whatsoever upon termination of this Agreement.

**Klausa penamatan di atas telah dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara.

LAMPIRAN 9

SURAT AKUAN KEPENTINGAN PERUNDING

(Disertakan Bersama Cadangan Perunding)

Saya, ……(Nama Pemilik)…… No. Kad Pengenalan/No. Pasport ……. selaku pemilik …...(Nama Firma)…… dengan nombor Pendaftaran ……(MOF/ROS/ROC/ROB)…… dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili firma ini tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan atau menggunakan pengaruh kepada mana-mana individu dalam ……(Nama Kementerian/Agensi)…… atau mana-mana orang lain, sebagai dorongan untuk mendapatkan perolehan ini.

2. Sekiranya terdapat sebarang percubaan rasuah daripada mana-mana pihak, saya akan membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili firma ini mematuhi perkara 1 dalam Surat Akuan ini boleh menyebabkan saya atau mana-mana orang yang mewakili firma ini didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*] dan Kanun Keseksaan [*Akta 574*] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing.

4. Saya sesungguhnya faham bahawa firma melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan firma** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan : .....

Nama : .....

No.KP : .....

Tarikh : .....

Cap Syarikat : .....

Catatan:

(i) *termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta* 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

(ii) **seseorang yang bersekutu dengan firma merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.

(iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat niat.

LAMPIRAN 10

SURAT AKUAN PERUNDING YANG DILANTIK

(Disertakan Bersama Surat Setuju Terima)

Saya, ……(Nama Pemilik)…… No. Kad Pengenalan/No. Pasport ……. selaku pemilik …...(Nama Firma)…… dengan nombor Pendaftaran ……(MOF/ROS/ROC/ROB)…… dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili firma ini tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam ……(Nama Kementerian/Agensi)…… atau mana-mana orang lain sebagai dorongan bagi mendapatkan tawaran pelantikan perunding. Saya juga tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan sepanjang tempoh dan selepas pelaksanaan untuk apa jua tujuan sekali pun yang berkaitan dengan perolehan ini. Bersama ini dilampirkan Surat Setuju Terima untuk pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili firma ini didapati menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam ……(Nama Kementerian/Agensi)…… atau mana-mana orang lain secara langsung atau tidak langsung terlibat dalam perolehan ini, maka saya sebagai pemilik firma seperti di atas bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil :

2.1 Penarikan balik Surat Setuju Terima; atau

2.2 Penamatan kontrak bagi perkhidmatan perunding selaras dengan peruntukan dalam kontrak; dan

2.3 Lain-lain tindakan undang-undang / tatatertib mengikut undang-undang / peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Sekiranya didapati ada sebarang percubaan rasuah daripada mana-mana pihak, saya akan membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya.

4. Saya sesungguhnya faham bahawa kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili firma ini mematuhi perkara 2 dalam Surat Akuan ini boleh menyebabkan saya atau mana-mana orang yang mewakili firma ini didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*] dan Kanun Keseksaan [*Akta 574*] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa firma melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan firma** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Tandatangan : .....

Nama : .....

No.KP : .....

Tarikh : .....

Cap Syarikat : .....

Catatan:

(i) *termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

(ii) **seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.

(iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Setuju Terima (SST).

LAMPIRAN 11

SURAT AKUAN OLEH SYARIKAT YANG MENDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN/ LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB)

Saya, ……(Nama Pemilik/Pengarah Syarikat)…… Nombor Kad Pengenalan/Nombor Pasport ……..... yang mewakili .....(Nama Syarikat)…… nombor pendaftaran ……(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB)…… dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini :

i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa- apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan

ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Jika apa-apa prosiding jenayah dan/atau pelanggaran perkara (i) atau (ii) dalam surat akuan ini telah dimulakan terhadap saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini dalam mana-mana mahkamah, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju mana-mana satu atau kedua-dua tindakan berikut diambil :

2.1 Sekatan atau penggantungan daripada memasuki apa-apa perolehan; dan/atau

2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa—

3.1 saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 *[Akta 694]* dan Kanun Keseksaan [*Akta 574*] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing untuk kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i) dalam surat akuan ini; atau

3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 *[Akta 712]* ataskegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam surat akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (*turn over*) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa- apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 *[Akta 694]* dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ***[****Akta 694],* apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan	:	.....
Nama	:	.....
No.KP	:	.....
Tarikh	:	.....
Cap Syarikat	:	.....

Catatan:

(i) *termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

(ii) **seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, perkongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.

(iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.

(iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.

LAMPIRAN 12

BORANG PENGISYTIHARAN PEMUNYA BENEFISIAL

☐ Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
☐ Tidak berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) (Perlu menghantar borang tanpa diisi)

*Tandakan ☑

a) Butiran Pemunya Benefisial (Individu):

Nama Individu	No. Kad Pengenalan / No. Pasport	Kewarganegaraan

b) Butiran Pemunya Benefisial (Syarikat):

Nama Syarikat	No. Pendaftaran (MOF/CIDB/SSM) atau No. Pendaftaran Bagi Syarikat Asing	Lokasi Syarikat (Nama Negara)

Saya……..... nombor kad pengenalan …….. yang mewakili syarikat ……. nombor pendaftaran…… (**MOF/CIDB/SSM) dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa senarai pemunya benefisial syarikat seperti mana diisytiharkan dalam borang ini adalah sama dengan maklumat yang diberikan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) [Berdasarkan Akta Syarikat (pindaan) 2024 [*Akta A1701*] dan garis panduan yang disediakan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)].

Yang Benar,

.....
Nama :
No. kad pengenalan:

Cap Syarikat :

Catatan:

**** Potong mana yang tidak berkenaan**

LAMPIRAN 13

SURAT AKUAN SYARIKAT DALAM MENANGANI JENAYAH PEMERDAGANGAN ORANG DAN BURUH PAKSA

.....(Tajuk dan Nombor Rujukan Perolehan).....

Saya, ……(Nama Wakil Syarikat)…… No. Kad Pengenalan.....yang mewakili …...(Nama Syarikat)…… nombor Pendaftaran ……(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB)…… dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini akan:

i. Mendidik pekerja dan ahli organisasi mengenai cara mengenal pasti dan melaporkan tanda-tanda pemerdagangan orang dan buruh paksa;
ii. Meningkatkan kesedaran tentang hak pekerja, perlindungan dan akses kepada remedi; dan
iii. Memastikan pematuhan kepada undang-undang mengenai jenayah pemerdagangan orang dan buruh paksa selaras dengan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [*Akta 670*] dan Akta Kerja 1955 [*Akta 265*] serta mana-mana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam jenayah pemerdagangan orang dan buruh paksa, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [*Akta 670*] dan Akta Kerja 1955 [*Akta 265*] serta mana-mana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

Yang benar,

Tandatangan : .....

Nama : .....

No.KP : .....

Tarikh : .....

Cap Syarikat : .....

LAMPIRAN 14

LAPORAN BULANAN PELAKSANAAN INTEGRITY PACT
DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

KEMENTERIAN :
BULAN/TAHUN :

A) BILANGAN SURAT AKUAN *INTEGRITY PACT* YANG DITANDATANGANI MENGIKUT KATEGORI

BIL.	PERKARA	BILANGAN
1.	Surat Akuan Oleh Pegawai Awam Yang Terlibat Dalam Perolehan (Lampiran 1)	
2.	Surat Akuan Pelantikan Ahli Jawatankuasa Berkaitan Perolehan (Lampiran 2)	
3.	Surat Akuan Selesai Tugas Ahli Jawatankuasa Berkaitan Perolehan (Lampiran 3)	
4.	Surat Akuan Ahli Lembaga/Jawatankuasa Perolehan (Lampiran 4)	
5.	Surat Akuan Selesai Tugas Ahli Lembaga/Jawatankuasa Perolehan (Lampiran 5)	
6.	Surat Akuan Pembida (Lampiran 6)	
7.	Surat Akuan Pembida Berjaya (Lampiran 7)	
8.	Surat Akuan Kepentingan Perunding (Lampiran 9)	
9.	Surat Akuan Perunding Yang Dilantik (Lampiran 10)	
10.	Borang pengisytiharan Pemunya Benefisial (BO) (Lampiran 12)	
11	Surat Akuan Menangani Jenayah Pemerdagangan Orang dan Buruh Paksa (Lampiran 13)	

B) BILANGAN SST/KONTRAK

BIL.	PERKARA	BILANGAN	NILAI (RM)
1.	SST/ Kontrak Dengan *Integrity Pact*		
2.	SST/ Kontrak Tanpa *Integrity Pact* (ii)		
	JUMLAH		

C) SENARAI SST/ KONTRAK TANPA *INTEGRITY PACT*

BIL	NAMA PEROLEHAN	JUSTIFIKASI KETIADAAN *INTEGRITY PACT*
1.		
2.		
3.		

Disediakan Oleh:

_____
(**Nama, Jawatan Pegawai & Cop**)
No. Telefon:
Emel:
Tarikh:

Disahkan Oleh:

_____
(**Nama, Jawatan Pegawai & Cop**)
No. Telefon:
Emel:
Tarikh:

Catatan:

(i) Laporan ini hendaklah dikemukakan kepada MOF pada setiap suku tahunan melalui e-mel kepada dataperolehan@treasury.gov.my. Format yang sama boleh digunakan bagi penghantaran laporan oleh pihak agensi kepada penyelaras Kementerian.

(ii) Bagi SST/Kontrak tanpa *Integrity Pact*, agensi dikehendaki menyenaraikan nama perolehan dan justifikasi ketiadaan *Integrity Pact* seperti di Jadual C.